

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)					
	Syarat dan Format Peperiksaan Penyelia Keselamatan Tapak (SSS)					
	No. Dokumen		Tarikh		Muka Surat	
	600-6-12/3A		26.06.2025		1/2	

1. Syarat Kemasukan

- 1.1. Warganegara Malaysia; **DAN**
- 1.2. Boleh berkomunikasi secara lisan dan menulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris; **DAN**
- 1.3. Mempunyai sekurang-kurangnya sijil SRP/PMR/PT3 atau sijil yang setaraf diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ; **DAN**
- 1.4. Telah melengkapkan kursus Penyelia Keselamatan Tapak (SSS) anjuran Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) yang diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).
- 1.5. Bermula 01 Julai 2025, peserta kursus perlu menduduki peperiksaan pertama dalam **tempoh satu (1) tahun** dari tarikh tamat kursus.

2. Format Peperiksaan

Komposisi kertas peperiksaan adalah seperti berikut:

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	PEMBERAT	MARKAH LULUS	YURAN
1	A	Soalan Aneka Pilihan	60	1 jam 30 minit	50%	30/60	RM100
	B	Soalan Struktur	3	2 jam	50%	40/80	
		Soalan Esei	1				
2*	A	Penilaian Tapak	-	30 minit	50%	25/50	RM100
	B	Pembentangan	-	10 minit	50%	50/100	RM150
		Sesi Soal & jawab	-	10 minit			
JUMLAH							RM350

NOTA:

*Kertas 2:

- a) Calon baharu perlu menduduki kedua-dua bahagian Kertas 2 (Bahagian A dan Bahagian B) dalam satu sesi peperiksaan yang sama.
- b) Calon yang gagal Kertas 2 perlu mengulang mana-mana bahagian yang gagal sahaja (Bahagian A atau Bahagian B).

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Penyelia Keselamatan Tapak (SSS)		
	No. Dokumen	Tarikh	Muka Surat
	600-6-12/3A	26.06.2025	2/2

3. Bahasa

- 3.1. Kesemua soalan adalah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- 3.2. Kesemua jawapan perlu dijawab dalam salah satu pilihan bahasa sahaja.

4. Peperiksaan Ulangan

- 4.1. Tiada had untuk mengulang dan calon perlu melengkapkan peperiksaan dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh peperiksaan pertama.
- 4.2. Calon yang telah melebihi tempoh **dua (2) tahun** akan berstatus gagal dan perlu menghadiri kursus SSS semula.

5. Sijil Kelayakan

Sijil Kelayakan akan diberikan kepada calon yang lulus peperiksaan.

Disediakan oleh :

Sekretariat
 Jawatankuasa Kompetensi Penyelia Keselamatan Tapak Bina
 Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)
 d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD)
 NIOSH

Tarikh kelulusan Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) : 26 Jun 2025

Tarikh kuat kuasa : 01 Julai 2025